



PENYATA
JAWATAN-KUASA PERANCHANG
PELAJARAN TINGGI

REPORT
OF THE
HIGHER EDUCATION PLANNING
COMMITTEE

KUALA LUMPUR
MALAYSIA
1967

Harga: \$4



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PENYATA
JAWATAN-KUASA PERANCHANG
PELAJARAN TINGGI

PUSTAKA PERDANA



1006820

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1967.





KANDONGAN

Bab		Perenggan	Muka
BAHAGIAN I			
I	PENUBOHAN JAWATAN-KUASA PERANCHANG PELAJARAN TINGGI DAN CHARA MENJALAN- KAN KERJA-NYA	1-11 ...	1-2
	Ahli dan Tugas Jawatan-kuasa	1-2 ...	1
	Pentafsiran Tugas	3 ...	1
	Chara Menjalankan Kerja	4-9 ...	1-2
	Meshuarat Jawatan-kuasa dan Jawatan- kuasa Kerja	10 ...	2
	Uchapan Terima Kaseh	11 ...	2
II	LATAR BELAKANG	12-40 ...	3-9
	Pelajaran Rendah dan Menengah	13-26 ...	3-6
	Pelajaran Tingkatan Enam	27 ...	6
	Pelajaran Lateh Kerja dan Latehan	28-30 ...	6-7
	Pelajaran Perdagangan	31 ...	7
	Pelajaran Lanjutan dan Dewasa	32 ...	7
	Pelajaran Khas	33 ...	7
	Latehan Perguruan	34-37 ...	8
	Pelajaran Tinggi	38-40 ...	8-9
III	PENGENALAN KEDUDUKAN SEKARANG	41-96 ...	9-18
	Pelajaran Rendah dan Menengah	42-46 ...	9-10
	Pelajaran Teknik dan Lateh Kerja	47-50 ...	10-11
	Pelajaran Lanjutan dan Dewasa	51 ...	11
	Pepereksaan Badan ² Ikhtisas Luar Negeri	52 ...	11
	Latehan Jabatan	53-80 ...	11-16
	Pelajaran Maktab	81-85 ...	16-17
	Pelajaran Universiti	86-96 ...	17-18
BAHAGIAN II			
IV	KEPERLUAN ² MASA HADAPAN DAN CHARA ² MENILAIKAN-NYA	97-169 ...	18-48
	Peranan Pelajaran dalam Pembangunan Negara	97-107 ...	18-20
	Chorak Perkembangan Ekonomi	108-117 ...	21-24
	Peluang ² Berkerja	118-123 ...	24-27
	Matalamat Jangka Panjang	124-126 ...	27-33

Bab		Perenggan	Muka
	Golongan ² Tenaga Manusia	126 ...	33
	Chara ² Menilai Keperluan Pada Masa Hadapan	127-147 ...	33-41
	(a) Matalamat Dari Segi Tenaga Manu- sia	129-134 ...	36-38
	(b) Matalamat Dari Segi Formula ...	135-140 ...	38-39
	(c) Model Asia	141-147 ...	39-41
	Perbandingan ² Antarabangsa	148-154 ...	41-44
	Chara Penyelesaian Yang di-Shorkan ...	155-156 ...	44-45
	Chorak Pelajaran Yang di-Chadangkan	157-169 ...	45-48
	Pelajaran Menengah Atas	164-167 ...	46-48
	(a) Pelajaran 'Am dan Teknik ...	166 ...	47
	(b) Pelajaran Lateh Kerja	167 ...	47-48
	Pelajaran Tinggi	168-169 ...	48
V	RANCHANGAN ² PEMBANGUNAN UNOK MASA HADAPAN	170-284 ...	48-79
	Pelajaran Menengah Atas	171-178 ...	48-51
	Pelajaran Lateh Kerja	172-178 ...	49-51
	Persediaan unok Pelajaran Tinggi ...	179-180 ...	51-52
	Pelajaran di-Peringkat Maktab	181-205 ...	52-60
	Pelajaran Pertanian (termasok sains peri- kanaan, kehutanan dan haiwan)	183-188 ...	53-55
	Pelajaran Perdagangan (termasok ilmu akaun)	189-191 ...	56
	Pengajian Kejuruteraan	192-196 ...	56-57
	Juruteknik Ma'mal	197 ...	57
	Kesenian	198-200 ...	58
	Urusan Rumah Tangga dan Urusan- Yayasan dan Makanan	201 ...	59
	Sains Perpustakaan	202 ...	59
	Pelajaran Perubatan dan Kesihatan ...	203-204 ...	59-60
	Pengajian Sosial	205 ...	60
	Pelajaran di-Peringkat Universiti ...	206-268 ...	60-74
	Pentadbiran dan Ekonomik	209-213 ...	61-63
	Sains Arkib	214 ...	63
	Kajipurba	215 ...	63
	Kewartawanan	216-219 ...	63-64
	Pengajian Undang ²	220-224 ...	64-65

Bab				Perenggan	Muka
	Sains Perpustakaan	225-226	65
	Sains Fizik	228	66
	Sains Kajihayat	229	66
	Sains Bumi	230	66
	Sains Pertanian (termasuk sains perikanan, kehutanan dan haiwan)	231-242	66-69
	Sains Perubatan	243-252	69-71
	Seni Binaan	259-263	73
	Teknologi Kimia dan Getah	264	73-74
	Kejuruteraan	265	74
	Ilmu Ukur	266-267	74
	Peranchangan Bandar dan Kampong	268	74
	Pelajaran Sambilan dan Lanjutan	269-274	74-76
	Penubohan Yayasan ² Baharu di-Peringkat Universiti	275	76
	Pelajaran Tinggi Dalam Bahasa Kebangsaan	276-283	76-78
	Penutup	284	78-79
VI	PERBEKALAN DAN LATEHAN GURU²	285-297	79-86
	Sumber ² Perbekalan	285-286	79
	Golongan Jenis Guru ²	287	79-80
	Melateh Guru ²	288	80
	Menilai Keperluan bagi Guru ²	289-294	80-84
	Biasiswa dan Dermasiswa	295-296	86
	Bayaran bagi Pengajaran Sambilan	297	86
BAHAGIAN III					
VII	MALAYSIA TIMOR	298-317	86-90
	Pengkajian Kedudukan Sekarang	298-306	86-88
	Pelajaran Rendah dan Menengah	299-301	87
	Pelajaran Teknik	302-304	87-88
	Latehan Perguruan	305-306	88
	Pembangunan Sementara	307-316	89-90
	Pelajaran Lateh Kerja	310	89
	Pelajaran Pertanian	311-313	89-90
	Latehan Perguruan	314	90
	Pelajaran Teknik	315	90
	Pelajaran Universiti	316	90
	Pembangunan Masa Hadapan	317	90

Bab		Perenggan	Muka
BAHAGIAN IV			
VIII	JENTERA PENTADBIRAN DAN PERLAKSANAAN	318-332 ...	90-94
	Majlis Pelajaran Tinggi	322-325 ...	91-92
	Pelajaran di-Peringkat Universiti ...	326-327 ...	92-93
	Pelajaran di-Peringkat Maktab	328-329 ...	93
	Mutu dan Persijilan Kebangsaan ...	330-332 ...	93-94
IX	WANG YANG DI-PERLUKAN	333-366 ...	94-105
	Perbelanjaan Pelajaran	335-349 ...	94-100
	Perbelanjaan Pelajaran dari Segi Penda- patan Negara	342-344 ...	98-99
	Perbandingan Antarabangsa	345-349 ...	99-100
	Membiayai Pelajaran	350-364 ...	100-105
	Wang dari Kerajaan Pusat	351 ...	101
	Chukai Pelajaran	352-355 ...	101-102
	Yuran Belajar	356-357 ...	102-103
	Sumbangan oleh Kerajaan ² Negeri ...	358 ...	103
	Sumbangan oleh Bahagian Persendirian	359-362 ...	103-104
	Bantuan Luar Negeri	363-364 ...	104-105
	Penutup	365-366 ...	105

BAHAGIAN V

X	RENGKASAN KEPUTUSAN² DAN SHOR²	... 367-368 ...	105-115
----------	---	-----------------	---------

LAMPIRAN

		Muka
A	Senarai Ahli ² Jawatan-kuasa dan Jawatan-kuasa Kerja termasuk Mereka ² yang Turut Hadzir	116
B	Penyata JKPT mengenai Taksiran Tenaga Manusia ...	125
C	Senarai Kertas ² Kerja, Renchana ² dan Memorandum ² Penting yang di-Terima	137
D	Data Perangkaan Asas dan Anggaran	142
E	Anggaran Perbelanjaan Pelajaran di-Malaysia Barat, 1965- 1985	147
F	Senarai Jadual ²	155

BAHAGIAN I

BAB I

PENUBOHAN JAWATAN-KUASA PERANCHANG PELAJARAN TINGGI DAN CHARA MENJALANKAN KERJA-NYA

Ahli dan Tugas Jawatan-kuasa

Juma'ah Menteri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang dahulu dalam meshuarat-nya yang di-adakan pada 20hb September, 1962, telah membuat keputusan supaya sa-buah Jawatan-Kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi (JKPPT) di-tubuhkan yang di-pengerusikan oleh Menteri Pelajaran dan yang mengandongi ahli² terdiri daripada Menteri² Kewangan, Kerja Raya, Pos dan Talikom, Kesihatan, Perdagangan dan Perusahaan dan Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Tugas² Jawatan-kuasa ini ia-lah :

“Mengkaji kemudahan² pelajaran tinggi di-Persekutuan Tanah Melayu dan mengemukakan shor² untuk perkembangan dan pembaikan pelajaran ini dari segi kehendak² masa hadapan dan sumber² kewangan negara”.

Tugas Jawatan-kuasa ini ia-lah untuk melanjutkan lagi kerja² Jawatan-kuasa Pelajaran tahun 1956 dan Jawatan-kuasa Penyemak Semula Pelajaran Tahun 1960 yang tidak menyentuh pelajaran tinggi dan menhadangkan chara² dan usaha² bagi menjamin perbekalan tenaga manusia yang terlatah dan menchukupi untuk kemajuan ekonomi, sosial dan kebudayaan negara.

2. Dengan wujud-nya Malaysia pada 16hb September, 1963 dan berdasarkan kapada Perjanjian Antara Kerajaan mengenai pelajaran di-Negeri² Sabah dan Sarawak, maka di-dapati perlu untuk menambahkan ahli² Jawatan-kuasa ini dan meluaskan lagi tugas²-nya untuk meliputi seluruh Malaysia. Oleh yang demikian Juma'ah Menteri telah membuat keputusan di-meshuarat-nya yang di-adakan pada 21hb Mach, 1964, supaya kedua² Kerajaan Negeri itu hendaklah di-jemput menchalunkan sa-orang wakil bagi tiap² satu negeri, di-peringkat Menteri, untuk berkhidmat dalam Jawatan-kuasa ini sa-bagai ahli. Dengan jemputan ini Kerajaan Negeri Sabah telah melantek Menteri Kebajikan Masharakat dan di-samping itu Kerajaan Negeri Sarawak telah melantek Menteri Kerajaan Tempatan untuk berkhidmat dalam Jawatan-kuasa ini.

Pentafsiran Tugas

3. Sa-masa menimbangkan tugas-nya Jawatan-kuasa ini mentafsirkan istilah “pelajaran tinggi” sa-bagai pelajaran ikhtisas dan akademik, yang sakurang²-nya berkehendakkan kelayakan akademik, Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sa-teraf dengan-nya untuk masok ka-yayasan² di-peringkat Universiti dan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-teraf dengan-nya di-peringkat Maktab. Walau bagaimana pun, dalam masa mengkaji keperluan² tenaga manusia di-peringkat ikhtisas dan sa-paroh ikhtisas, Jawatan-kuasa ini perlu mengkaji juga perbekalan kakitangan² pembantu.

Chara Menjalankan Kerja

4. Jawatan-kuasa ini dalam meshuarat pertama-nya yang di-adakan pada 8hb Januari, 1963, telah melantek dua Jawatan-kuasa Kerja Kechil ia-itu Jawatan-kuasa Kerja Latehan Teknik (JKKLT) dan Jawatan-kuasa Kerja Siswazah² dan Ahli² Ikhtisas (JKKSAI). Ahli² kedua² Jawatan-kuasa ini ada di-chatetkan di-Lampiran “A”.

5. JKKLT telah di-minta menimbangkan keperluan² negara dalam masa 20 tahun yang akan datang bagi mengadakan ahli² teknologi, juruteknik² dan ahli² pertukangan dalam berbagai² lapangan meliputi sains fizik dan teknologi²-nya yang bersangkutan termasuk seni bangunan. JKSSAI telah juga di-minta menimbangkan keperluan² negara dalam tempoh yang sama mengenai siswazah², ahli² ikhtisas, teknologi dan kakitangan² pembantu dalam lapangan² lain termasuk sains kaji-hayat, sains sosial, pertanian, sastera, perubatan, undang², ilmu akaun dan perdagangan.

6. Jawatan-kuasa ini menggunakan tiga chara untuk mengumpulkan ma'alumat dan butir² perangkaan. Pertama ia-lah mengadakan suatu pengkajian tenaga manusia. Tugas ini telah di-kelolakan oleh sa-buah Jawatan-kuasa Kecil, yang di-tubuhkan dalam suatu meshuarat bersama kedua² Jawatan-kuasa Kerja Kecil. Ahli² Jawatan-kuasa Kecil ada-lah seperti yang terchatet di-dalam Lampiran "A". Pengkajian ini telah di-jalankan oleh Jabatan Perangkaan, Malaysia, bagi pihak JKPPT. Penyata-nya ada di-beri di-dalam Lampiran "B".

7. Chara kedua yang di-gunakan ia-lah menjemput orang ramai mengemukakan chadangan² mereka melalui kertas² kerja, memorandum² dan renchana². Menteri Pelajaran ketika mula² mengistiharkan penubuhan Jawatan-kuasa ini di-Dewan Ra'ayat, Parlimen Malaysia pada 13hb Disember, 1962 telah mengambil peluang meminta kerjasama badan² perusahaan, perdagangan dan ikhtisas semasa mentaksirkan keperluan² negara mengenai siswazah², ahli² teknik dan ikhtisas yang terlately. Sa-lepas itu, dalam satu persidangan akhbar yang di-adakan pada 15hb Disember, 1962 beliau sa-kali lagi mengulangi rayuan-nya kepada orang ramai. Dengan rayuan² ini beberapa kertas² kerja, memorandum² dan renchana² telah di-terima dan semua-nya itu telah di-timbangan dengan teliti oleh Jawatan-kuasa ini. Satu senarai kertas² kerja, memorandum² dan renchana² yang berkenaan ada di-sematkan di-dalam Lampiran "C".

8. Chara ketiga ia-lah menjemput orang ramai dan Pegawai² Kerajaan, yang mempunyai kelayakan dan pengalaman khas untuk mengemukakan pendapat² dan chadangan² mereka mengenai perkara² yang menjadi kemahiran mereka di-meshuarat kedua² Jawatan-kuasa Kerja. Dengan jemputan ini beberapa orang telah memberi ma'alumat² dan chadangan² yang berguna.

9. Sa-bagai tambahan kepada kajian tenaga manusia, beberapa bahan² perangkaan telah di-kumpulkan oleh Jawatan-kuasa ini sa-masa menjalankan tugas-nya. Rengkanan jadual² telah di-masokkan di-dalam Penyata ini termasuk butir² yang lain yang di-anggap perlu untuk memberi keterangan yang lebeh lanjut tentang masalah² yang di-binchangkan di-dalam Penyata ini seperti yang di-sematkan dalam Lampiran "D".

Meshuarat Jawatan-kuasa dan Jawatan-kuasa Kerja

10. JKPPT telah mengadakan 8 meshuarat, JKKLT 20 meshuarat, JKSSAI 38 meshuarat. Sa-lain daripada itu kedua² Jawatan-kuasa Kerja telah mengadakan 29 meshuarat bersama.

Uchapan Terima Kaseh

11. Jawatan-kuasa ini mengucapkan terima kaseh terhadap kerja² yang telah di-buat oleh ahli² dan setia usaha² JKKLT dan JKSSAI, setia usaha² Jawatan-kuasa ini dan Jabatan Perangkaan, Malaysia yang telah menjalankan pengkajian tenaga manusia bagi pihak Jawatan-kuasa ini, kepada mereka² yang memberi ma'alumat² dan chadangan² yang berguna sa-masa di-beberapa meshuarat JKPPT, JKKST dan JKSSAI, kepada mereka² yang mengemukakan beberapa kertas² kerja, memorandum² dan renchana² mengenai pelajaran tinggi dan juga kepada mereka² yang menaip Penyata ini.